

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, October 21, 2019 12:06 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kejayaan Lonjakkan Nama Universiti Di Persada Dunia



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 OKTOBER 2019 / 22 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

KEJAYAAN LONJAKKAN NAMA UNIVERSITI DI PERSADA DUNIA



UUM ONLINE: Penubuhan Tabung Wakaf dan Endowmen Pendidikan Universiti Utara Malaysia (UUM) berupaya membantu pelajar dari kalangan B40 di UUM untuk belajar dengan lebih tenang dan fokus.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, beliau berterima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor dan Duli Yang Teramat Mulia

Tuanku Raja Muda Kedah, Tuanku Pro-Canselor selaku Yang DiPertua Majlis Agama Islam Negeri Kedah kerana meluluskan penubuhan tabung tersebut, baru-baru ini.

“Dengan adanya tabung wakaf berkenaan dapat membantu para pelajar daif B40 iaitu 60 peratus dari jumlah keseluruhan pelajar semasa di UUM untuk meneruskan proses pembelajaran mereka dalam keadaan lebih selesa dan selamat selaras dengan saranan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam ‘Wawasan Kemakmuran Bersama 2030’.

“Kerajaan Malaysia dalam pembentangan Bajet 2020 baru-baru ini juga telah memberikan pengecualian cukai kepada penyumbang sebagai langkah untuk menyemarakkan lagi usaha murni tersebut,” katanya pada sesi ketiga Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM di Dewan Mu'adzam Shah, semalam.

Tambahnya, program Food Bank UUM telah dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor bagi meringankan beban pelajar B40 untuk menerima bantuan makanan dan menikmati suasana pembelajaran yang lebih kondusif.

Selain itu, menurutnya, UUM juga telah menempa kejayaan demi kejayaan dari segi *ranking yang* kini berada di kelompok 500 universiti terbaik dunia dan disenaraikan di kedudukan 101-150 terbaik dunia bagi kategori universiti di bawah usia 50 tahun melalui kaji selidik QS World University Rankings 2020.

Katanya, di peringkat Asia pula, UUM berada di kedudukan ke-128 dan berada di tempat ke-7 terbaik dalam kalangan universiti tempatan.

“Dari segi penawaran program akademik, UUM telah memperoleh akreditasi antarabangsa tersohor seperti AMBA, AACSB, EPAS dan CEEMAN IQA. Selain diiktiraf sebagai universiti ke-76 terbaik dunia dalam UI GreenMetric World University Rankings 2018. Pencapaian-pencapaian ini sekali gus menaikkan lagi ‘*brand image*’ universiti di persada pendidikan global.

“Tenaga akademik UUM juga telah berjaya memenangi beberapa anugerah tertinggi bidang pendidikan negara seperti Anugerah Akademik Negara Ke-12, Malaysia’s Research Star Awards 2018, Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Malaysia: Rekabentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif 2019,” katanya.

Naib Canselor berkata, kejayaan penerbitan artikel ilmiah dalam jurnal berimpak tinggi dengan ranking / Quartile Q1 turut dirangkul bagi menyebarkan luas hasil penyelidikan berkualiti tinggi yang dilakukan dan diterima sebagai bahan rujukan utama.

Di samping itu, beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada semua graduan yang menerima ijazah masing-masing pada hari yang bersejarah itu.

Menurutnya, kejayaan menggenggam segulung ijazah bukanlah mampu dicapai oleh semua orang kerana hanya mereka yang berusaha gigih tanpa mengenal penat lelah, bersenggang mata, mengorbankan kegembiraan, mengutip ilmu di bait-bait nota kuliah dan menguruskan tekanan sahaja mampu mengharungi perjalanan yang penuh cabaran.

Katanya, perjuangan sebenarnya tidak berakhir dengan segulung ijazah sahaja kerana di luar sana menanti seribu macam lagi ujian dan cubaan untuk menempuh perjalanan hidup.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.